

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 JUNE 2016

Graduan perlu kualiti kepemimpinan

Um - 30/6/2016

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 29 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, kelulusan akademik sahaja tidak mencukupi untuk mencipta kejayaan sekiranya seseorang graduan itu tidak memiliki kualiti dalam kepimpinan.

Menurut Perdana Menteri, generasi muda sewajarnya mampu memahami dan memberi cadangan untuk penyelesaian masalah dan bukannya dengan mudah mengkritik isu-isu yang timbul.

“Kejayaan kita sebagai seorang insan di hari muka tidak hanya bergantung kepada kelulusan akademik semata-mata, tetapi juga melibatkan soal kepimpinan dan ini besar pengertiannya.

“Ini melibatkan soal ketegasan, soal kemampuan kita memahami sesuatu permasalahan yang kompleks serta soal hubungan kita dengan mereka yang lebih tinggi kedudukan dan rakan-rakan kita,” katanya ketika berucap dalam majlis penyerahan Felo Perdana 2016 di Perdana Putra di sini hari ini.

Pada majlis berkenaan, seramai 82 Felo Perdana yang terdiri daripada graduan dan penuntut universiti dari dalam dan luar negara diserahkan kepada kesemua anggota Jemaah Menteri.

Program yang menempatkan peserta selama tiga hingga enam bulan di setiap kementerian dan pejabat Ketua Setiausaha Negara itu memberi pendedahan secara



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra bersama graduan dan penuntut universiti dalam Majlis Penyerahan Felo Perdana 2016 kepada menteri-menteri Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

jelas mengenai aspek pentadbiran dan polisi kerajaan.

Dalam program kali ini, felo-felo dari 52 universiti melibatkan 47 jurusan itu turut dilibatkan dalam kursus berstruktur dianjurkan dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta termasuk Khazanah Nasional Berhad., CIMB Group Holdings Bhd. dan Felda Global Ventures Holdings. Bhd.

Menurut Najib, program yang telah memasuki tahun keempat penganjuran itu juga mendedah-

kan kepada para peserta bahawa bukan mudah bagi kerajaan untuk membuat sesuatu keputusan atau polisi.

“Tidak ada keputusan yang mudah dalam kerajaan, kita mesti buat pertimbangan kerana selalu akan ada konflik dalam membuat keputusan.

“Contohnya seperti harga minyak naik, kita tahu keputusan itu tidak popular dan orang marah, tetapi kalau kita tidak naikkan harga, kita kena keluarkan subsidi.

“Walau bagaimanapun orang tidak sedar subsidi itu adalah duit awam yang sepatutnya boleh dibelanjakan untuk projek perumahan, pembinaan jalan kampung dan pelbagai projek pembangunan, soalnya, keputusan tetap perlu dibuat,” katanya.

Jelas beliau, peserta-peserta Felo Perdana juga semestinya dapat memahami bahawa bukan mudah untuk mentadbir negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya.